

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' WIRA HAJI MOHD. ANUAR BIN  
MOHD. TAHIR (TEMERLOH)**

**TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' WIRA HAJI MOHD. ANUAR BIN MOHD. TAHIR [ TEMERLOH ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah langkah persediaan yang diambil Kementerian bagi memastikan cerun-cerun, pembentungan serta sistem aliran disepanjang jalan raya serta bangunan-bangunan yang diuruskan oleh Kementerian sentiasa selamat dan berupaya mengekang kejadian tanah runtuh dan terputusnya hubungan logistik.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini bersama-sama pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) sentiasa memberi perhatian serius terhadap pelaksanaan kerja-kerja penyenggaraan jalan dan cerun serta bangunan di Jalan Persekutuan oleh pihak syarikat penyenggaraan jalan dan cerun serta bangunan yang dilantik.

Sehubungan dengan itu, bagi memastikan sistem pembetung dan sistem saliran di sepanjang jalan raya berfungsi dengan baik, pihak syarikat konsesi penyenggaraan Jalan Persekutuan yang dilantik bertanggungjawab melaksanakan kerja penyenggaraan longkang dan pembetung di bawah skop penyenggaraan rutin.

Kerja tersebut dilaksanakan setiap tahun mengikut jadual penyenggaraan bagi memastikan sistem saliran jalan persekutuan bersih dan berfungsi dengan baik. Pusingan kerja penyenggaraan pembetung di Jalan Protokol dilaksanakan sebanyak 6 kali setahun, manakala bagi Jalan Utama dan Jalan Sekunder, kerja penyenggaraan dilaksanakan sebanyak 2 kali setahun. Bagi kerja penyenggaraan longkang pula, pusingan kerja dilaksanakan sebanyak 4 kali setahun di Jalan Protokol, manakala bagi Jalan Utama serta Jalan Sekunder dilaksanakan sebanyak 2 kali pusingan setahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak syarikat konsesi yang dilantik turut dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan pemantauan keadaan jalan secara berkala di bawah skop penyenggaraan rutin melalui kerja pemeriksaan rutin sebanyak 2 kali seminggu bagi memastikan keadaan jalan selamat dilalui dan mengemukakan laporan segera sekiranya terdapat kerosakan yang memerlukan pembaikan. Di samping itu, Kementerian ini turut menyalurkan peruntukan bagi kerja-kerja membaik pulih pembetung rosak dan menaik taraf sistem saliran yang mana akan

dilaksanakan setiap tahun mengikut keperluan di bawah Program Penyenggaraan Berkala Bukan Pavemen.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2021 KKR telah memperuntukkan sebanyak RM19.12 juta bagi melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan pembetung dan sistem saliran. Kelulusan peruntukan bagi kerja-kerja tersebut adalah berdasarkan senarai keutamaan yang diterima daripada setiap negeri yang terlibat, serta tertakluk juga kepada peruntukan yang diluluskan oleh pihak Kementerian Kewangan (MOF).

Manakala bagi pengurusan penyenggaraan cerun di jalan persekutuan dan aset di bawah tanggungjawab kementerian ini, JKR selaku agensi pelaksana telah melaksanakan kerja-kerja penilaian dan pemetaan tahap bahaya dan risiko cerun di sepanjang jalan persekutuan dengan penggunaan teknologi terkini. Pembangunan Sistem Amaran Awal dan Masa Nyata (Early Warning System - EWS) agar tanda awal cerun runtuh dapat diketahui dan disebarluaskan untuk keselamatan penghuni/pengguna yang berada di lokasi berkenaan. JKR turut melaksanakan Program Pendidikan dan Kesedaran Awam (Public Awareness Education) bagi meningkatkan kesedaran awam terhadap risiko cerun runtuh.

Selain itu, JKR sedang membangunkan Prosedur Operasi Piawai (SOP) Pengurusan Cerun bagi memastikan pengurusan cerun di jalan persekutuan dilaksanakan dengan teratur serta dari semasa ke semasa melaksanakan kerja-kerja pencegahan (preventive) untuk memperkuatkkan cerun yang dikenalpasti berisiko tinggi di beberapa lokasi Jalan Persekutuan utama bagi mengelakkan berlakunya kejadian tanah runtuh.

Kementerian ini sentiasa komited dalam memastikan semua Jalan Persekutuan dan aset di bawah tanggungjawab Kementerian ini sentiasa dalam keadaan yang selamat dan selesa dengan melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan sepanjang tahun berdasarkan peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan. Sekian, terima kasih.